



### Pointers for Press Release/Kenyataan Media

## GABUNGAN INDUSTRI KANDUNGAN KREATIF MALAYSIA (CCIG - CREATIVE CONTENT INDUSTRY GUILD MALAYSIA) MAJLIS PENYERAHAN SIJIL PENGAKUAN-SAH INDUSTRI KREATIF 2016

**TARIKH : 14 JANUARI 2016**

**LOKASI : SOUND STAGE STUDIO , FINAS, HULU KELANG**

**TETAMU YANG TURUT HADIR:** YB Dato' Jailani Johari Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia, AHLI LEMBAGA FINAS, PEMANDU, WAKIL AKADEMIK, AHLI MAJLIS KERJA CCIG, PANEL PENASIHAT CCIG DAN PENGAMAL INDUSTRI KREATIF

#### **Butiran Majlis**

Majlis ini dikhurasukan bagi meraikan individu yang telah ditauliahkan melalui proses pengakuan sah CCIG (Ahli bertauliah CCIG). Malam penghargaan ini juga menyaksikan penerima sijil seramai 236 orang ahli bertauliah CCIG. YB Senator Datuk Seri Dr Salleh Said, Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia, merasmikan majlis dan seterusnya menyampaikan sijil kepada sebahagian penerima. CCIG juga menganugerahkan Sijil Ahli Kehormat CCIG kepada YB Menteri.

YBhg Dato' Jurey Latiff Rosli, Pengurus CCIG, juga berbangga kerana CCIG yang telah dibina bersama Ahli Majlis Kerja yang lain, sejak Ogos 2011 (4 tahun 4 bulan), telah membuktikan bahawa pengamal industri kreatif Malaysia mampu bersatu dan bersama menjayakan inisiatif kerajaan ini. Contoh yang dikongsi bersama adalah berkenaan kejayaan Ahli Bertauliah CCIG yang bekerja di Pinewood Studio Johor, dalam produksi Marco Polo.

#### **Faedah berdaftar sebagai Ahli CCIG**

Profil ahli bakal dipaparkan di laman portal CCIG untuk menarik minat pelabur/produksi tempatan dan antarabangsa. Meningkatkan tahap profesionalisme pengamal industri melalui proses pengakuan-sah@pentaulahan oleh CCIG menggunakan kerangka CCIRF(Creative Content Industry Recognition Framework). Ada dikalangan Ahli Bertauliah CCIG yang mendapat peluang menyambung pelajaran di peringkat sarjana di IPT, tidak kurang juga yang layak menjadi tenaga pengajar jemputan.

#### **CCIRF(Creative Content Industry Recognition Framework)**

Kerangka yang digunakan bagi proses pengakuan-sah Ahli CCIG yang berhasrat menjadi Ahli Bertauliah CCIG. Barisan panel penilai CCIRF dilantik secara laluan khas oleh FINAS dan merupakan individu-individu berprofil tinggi serta terkemuka dan prominen dalam industri kreatif. Panel CCIRF yang dipilih wajib cemerlang dalam memenuhi 4 kriteria utama CCIRF iaitu , Pengalaman, Kemahiran , Sumbangan dan Pencapaian. Mereka juga ditarik oleh ahli akademik dan wakil kerajaan berkaitan bagi menjaga ketelusan proses pengakuan sah itu. Setiap satu sesi pengakuan sah yang dijalankan, panel akan disusun mengikut subcluster bidang spesifik mengikut jawatan pengamal yang bakal dinilai. Proses ini akan menentukan pengamal industri tersebut layak dikategorikan mengikut peringkat/tier yang ditetapkan. *Tier 1 – Certified as Practitioner, Tier 2 – Advanced, Tier 3 – Professional.*



### **Perancangan akan datang**

Bagi mengukuhkan peranan CCIG di mata industri, CCIG merancang untuk mengadakan kursus/kelas/latihan bertujuan untuk *upskilling* dan *reskilling*. Program sebegini boleh dimanfaatkan oleh semua ahli CCIG dalam meningkatkan kemahiran dan kompetensi mereka.

### **MENGENAI CCIG**

Gabungan Kandungan Industri Kreatif Malaysia adalah sebuah badan disokong sepenuhnya oleh kerajaan dan diselia oleh FINAS. Di Pengurusikan oleh Dato' Jurey Latiff Rosli. Peranan CCIG adalah untuk meningkatkan profesionalisme modal insan industri kreatif dan bertindak sebagai badan akreditasi tunggal untuk pengamal dalam bidang pengkhususan mereka. Pada masa ini, seramai **6,284 pengamal** kandungan kreatif berdaftar dengan CCIG dan seramai **402 orang ahli bertauliah**. Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi Azlin Mohamad di 03-4161 6709 @ 019-2720701 / [norazlin@ccigmalaysia.com](mailto:norazlin@ccigmalaysia.com)

#### Laman Web:

[www.ccigmalaysia.com](http://www.ccigmalaysia.com)

Facebook: [www.facebook.com/ccigmalaysia](https://www.facebook.com/ccigmalaysia)

#### Alamat:

Gabungan Kandungan Industri Kreatif Malaysia

No. 13-1 Ukay Boulevard

Jalan Lingkaran Tengah Dua

Hulu Kelang 68000 Ampang Selangor